

4.4 Penggunaan Perkhidmatan E-mel

Perkhidmatan e-mel yang dibekalkan hanya boleh digunakan bagi kegunaan rasmi dan hal-hal yang tidak melibatkan rahsia perkhidmatan/negara. Sebarang surat atau dokumen rasmi yang berdarjah hendaklah dihantar melalui prosedur dan peraturan yang sedia ada. Setiap pengguna berdaftar yang telah mendapat kelulusan untuk menggunakan akaun e-mel rasmi Jabatan Penjara Malaysia iaitu username@prison.gov.my hendaklah pada setiap masa merahsiakan kata laluan daripada diketahui oleh pihak lain. Pendedahan kata laluan kepada pihak lain adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Jenayah Komputer 1997.

- a) Pemilik akaun e-mel adalah dilarang sama sekali untuk menghantar e-mel yang berunsur fitnah, ugutan dan hasutan yang boleh mengancam ketenteraman awam. Jabatan Penjara Malaysia Dasar Keselamatan ICT Bahagian Teknologi Maklumat - [September 2008 11\](#)
- b) Pemilik akaun e-mel juga adalah dilarang sama sekali untuk menyebarkan spam atau junk mail kepada pengguna lain.
- c) Pengirim e-mel perlu memastikan dengan membuat pemeriksaan berulang bagi memastikan alamat e-mel penerima adalah betul supaya e-mel tersebut tidak sampai kepada pihak lain.
- d) Akaun rasmi e-mel yang didaftarkan di bawah Jabatan Penjara Malaysia hanya boleh digunakan untuk tujuan rasmi sahaja. Pemilik akaun tidak dibenarkan sama sekali menggunakan akaun tersebut untuk tujuan peribadi dan komersil.
- e) Pengguna hendaklah memastikan setiap fail kepilan (attachment file) yang dihantar tidak melebihi dua (2) megabait (mb) bagi setiap kali penghantaran. Kaedah mampatan (compression) untuk mengurangkan saiz fail adalah digalakkan.
- f) Segala fail kepilan (attachment file) yang diterima dari luar organisasi Jabatan Penjara Malaysia hendaklah di'scan' terlebih dahulu dengan perisian anti virus yang terdapat pada setiap PC yang dibekalkan. Ia bertujuan mengelak daripada serangan virus yang terdapat pada fail kepilan tersebut.
- g) Pengguna E-mel adalah dinasihatkan supaya menguruskan e-mel mereka dengan sistematik bagi meminimumkan ruang storan PC. E-mel yang tidak penting dan tidak diperlukan hendaklah dihapuskan (delete) dari folder Inbox dan Trashed/Deleted Item masing-masing.
- h) Pemilik akaun E-mel rasmi Jabatan Penjara Malaysia juga dinasihatkan supaya meng'encrypt' maklumat berdarjah yang ingin dihantar penerima. Pengguna juga harus mendapatkan nasihat dari pentadbir sistem sebelum sesuatu e-mel berdarjah dihantar bagi memastikan keselamatan e-mel tersebut terjamin.
- i) Pemilik akaun e-mel juga perlu melaporkan dengan segera kepada Pentadbir Sistem apabila menerima e-mel dan fail kepilan yang tidak diketahui pengirimnya serta diragui asal-usulnya.

j) Pemilik akaun e-mel rasmi Jabatan Penjara Malaysia yang sudah berpindah atau bersara dari perkhidmatan dengan Jabatan Penjara Malaysia dimestikan menghantar satu surat rasmi kepada Pentadbir Sistem bagi membolehkan akaun beliau dipadamkan.

5.0 PENGGUNAAN E-MEL

Peraturan-peraturan penggunaan e-mel PENJARA dan penggunaan kemudahan e-mel PENJARA. Ianya terbahagi kepada dua bahagian, iaitu Penggunaan Am untuk peraturan am penggunaan semua aplikasi e-mel dan Penggunaan Khusus untuk peraturan khusus penggunaan e-mel PENJARA.

5.1 PENGGUNA

Kemudahan e-mel disediakan dan diberi kepada Staf PENJARA seperti berikut:

- a) Staf yang terdiri daripada Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Sokongan melalui permohonan;
- b) Agensi di bawah PENJARA atau persatuan rasmi PENJARA melalui permohonan.

5.2 PENGGUNAAN AM

Pengguna e-mel perlu mematuhi perkara-perkara berikut:

- a) Perisian-perisian berlesen dan mempunyai hakmilik terpelihara atau intelek tidak boleh disebarluaskan melalui e-mel individu atau organisasi;
- b) Aktiviti spamming atau mail-bombing dan penyebaran e-mel dengan kandungan tidak beretika (seperti lucah, ugutan, perkauman, politik, fitnah, hasutan dan gangguan) kepada individu, mailing list atau discussion groups sama ada di dalam LAN, WAN (Prison*Net) dan Internet oleh pengguna adalah tidak dibenarkan;
- c) PENJARA berhak memasang sebarang jenis perisian atau perkakasan penapisan e-mel dan virus (e-mail filter and anti virus) yang difikirkan sesuai dan boleh menggunakan untuk mencegah, menapis menyekat atau menghapuskan mana-mana e-mel yang disyaki mengandungi virus atau berunsur Spaming daripada memasuki ke dalam computer server, stesen kerja atau LAN/WAN PENJARA dan keluar daripada komputer server, stesen kerja atau LAN/WAN PENJARA; Jabatan Penjara Malaysia Dasar Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Bahagian Teknologi Maklumat - September 2008 15
- d) PENJARA tidak bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung terhadap pengguna yang menjadi penghantar (sender) atau penerima (receiver) kepada sebarang e-mel yang berunsur spamming atau penyebaran e-mel dengan kandungan tidak beretika (seperti lucah, ugutan, perkauman, politik, fitnah, hasutan dan gangguan) samada secara disedari/sengaja atau tidak disedari/sengaja olehnya;
- e) PENJARA tidak bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung terhadap sebarang kerosakan, kehilangan atau sebarang kesan lain kepada maklumat, aplikasi, data, kotak e-mel atau fail yang

disimpan oleh pengguna di dalam stesen kerja atau komputer server akibat daripada penggunaan perkhidmatan e-mel;

f) Untuk keselamatan penggunaan, perkara berikut perlu diberi perhatian oleh pengguna:

i) Tukar kata laluan secara berkala (dicadangkan setiap 3 bulan) bagi mengelakkan akaun e-mel diceroboh;

ii) Tidak berkongsi kata laluan dengan pengguna lain dan tidak melayan mana-mana permintaan untuk mendapat kata laluan; dan

iii) Berhati-hati ketika menerima fail kepilan (attachments). Fail kepilan mungkin mengandungi letterbombs atau virus yang boleh merosakkan komputer dan rangkaian Prison*Net. Fail kepilan yang sering mengandungi virus ialah fail yang mempunyai extension '.exe', '.zip', 'pif', '.scr' dan sebagainya.

g) Log out setelah selesai sesi penggunaan e-mel bagi menyelamatkan akaun dari pencerobohan atau tutup browser yang digunakan setelah sesi capaian e-mel selesai;

h) Tidak menjawab e-mel yang tidak berkenaan (seperti 'spam', ugutan atau ofensif) kerana dengan menjawab e-mel yang sedemikian, pengguna mendedahkan diri kepada aktiviti yang tidak bertanggungjawab. Pengguna adalah bertanggungjawab untuk melapor penerimaan e-mel sedemikian kepada pentadbir mel di BTM.

5.3 PENGGUNAAN KHUSUS

a) Alamat e-mel yang diberikan oleh PENJARA kepada Pengguna atau Staf PENJARA adalah muktamad dan ditentukan oleh PENJARA. Pengguna tidak dibenarkan untuk memohon penukaran alamat e-mel kecuali atas sebab yang munasabah bagi kepentingan PENJARA. Jabatan Penjara Malaysia Dasar Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Bahagian Teknologi Maklumat - September 2008 16

b) Seseorang pengguna individu tidak dibenarkan untuk memohon dan memiliki lebih dari satu akaun atau alamat e-mel PENJARA pada satu-satu masa.

c) Setiap alamat e-mel yang disediakan adalah untuk kegunaan pengguna atau Staf PENJARA berkenaan sahaja. Ia tidak boleh digunakan oleh pihak lain sama ada secara kebenaran atau tanpa kebenaran.

d) Pengguna dilarang menggunakan kemudahan e-mel untuk sebarang aktiviti yang tidak dibenarkan oleh peraturan dan undang-undang PENJARA, negeri dan negara.

e) Semua pengguna yang diberi kemudahan e-mel PENJARA tidak dibenarkan menggunakan e-mel luar (seperti Hotmail, Yahoo, Google dan lain-lain) untuk tujuan rasmi. Pentadbir Rangkaian berhak menghalang penggunaan e-mel tersebut jika didapati memudarat dan membebankan rangkaian Prison*Net.

- f) Di dalam kes sistem tergendala (rosak), pihak pentadbir e-mel hanya bertanggungjawab untuk memulihkan kembali (restore) maklumat akaun pengguna dan bukannya kandungan/kotak e-mel (mailbox) pengguna.
- g) Dari semasa ke semasa atas sebab-sebab keperluan audit, keselamatan dan penggunaan, pentadbir e-mel dengan kelulusan Ketua Pengarah Penjara berhak memeriksa dan melihat isi kandungan e-mel dan ruang storan Pengguna.
- h) Pengguna bertanggungjawab sepenuhnya di atas penggunaan perisian e-mel klien yang selain daripada yang disediakan secara rasmi oleh PENJARA.

5.4 PERMOHONAN

- a) Permohonan untuk mendapatkan kemudahan e-mel boleh dibuat oleh staf PENJARA dengan cara mengisi Borang Permohonan E-Mel Individu atau secara elektronik (jika disediakan oleh BTM kelak). Manakala PENJARA dan persatuan rasmi PENJARA boleh memohon kemudahan e-mel dengan cara mengisi Borang Pemohonan E-Mel yang boleh diperolehi di BTM atau melalui laman web atau portal rasmi PENJARA. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dimajukan kepada BTM.
- b) Permohonan yang telah diluluskan akan dikembalikan kepada pemohon dengan disertakan maklumat alamat e-mel, kata laluan dan kaedah penggunaannya. Jabatan Penjara Malaysia Dasar Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Bahagian Teknologi Maklumat - September 2008 17

5.5 PENAMATAN KEMUDAHAN

PENJARA boleh menamatkan kemudahan akaun e-mel yang telah diberikan kepada staf atas sebab-sebab berikut:

- a) Staf telah tamat atau ditamatkan perkhidmatan dengan PENJARA secara rasmi.
- b) Agensi di bawah PENJARA atau persatuan PENJARA yang telah ditutup secara rasmi oleh pihak pengurusan PENJARA;
- c) Permintaan dari Staf sendiri untuk menamatkan perkhidmatan tersebut; dan
- d) Staf yang tidak bersetuju atau melanggar syarat-syarat penggunaan E-Mel.